

24/01/1997

Snap perlu pelihara kedudukan Pusat

KUCHING, Khamis - Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) perlu menjaga dan memelihara kedudukannya di peringkat Pusat dan negeri, kata Timbalan Presiden Snap, Datuk Peter Tinggom.

Berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tiga Tahun Sekali bagi Pemuda dan Wanita Snap di sini, petang ini, beliau berkata, meskipun pelantikan menteri di peringkat Pusat dan negeri adalah hak istimewa Perdana Menteri dan Ketua Menteri, Snap perlu memastikan jumlah jawatan menteri yang dipegangnya sekarang dikekalkan, jika pun tidak ditambah.

Setakat ini, di peringkat negeri, Snap diberikan satu jawatan menteri penuh yang dipegang Presiden parti itu, Datuk Amar James Wong Kim Min, iaitu Menteri Alam Sekitar dan Menteri Perumahan, selain satu jawatan Menteri Muda di Kementerian Kewangan dan Kemudahan Awam yang dijabat William Mawan.

Sementara di peringkat Pusat, Tinggom adalah satu-satunya wakil Snap yang dilantik menganggotai Kabinet, selaku Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Menurut Tinggom, Snap juga harus berbangga dengan kemampuannya memenangi semua kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya umum negeri tahun lalu. Parti itu kini mempunyai tujuh kerusi Dewan Undangan Negeri dan dua kerusi Parlimen.

Tinggom juga meminta semua ahli pergerakan Pemuda dan Wanita Snap agar sentiasa menghargai hubungan rapat yang wujud antara parti itu dengan parti komponen Barisan Nasional (BN) di negara ini.

Katanya, hubungan erat dalam keluarga BN membolehkan ahli Snap turut menikmati hasil pembangunan pada hari ini.

Beliau juga menyifatkan kemenangan 100 peratus Snap pada pilihan raya umum negeri tahun lalu sebagai hasil kerjasama penuh yang diberikan parti komponen BN.

Beliau juga berkata, pembangunan yang dikecapi rakyat Sarawak hari ini adalah hasil kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di peringkat Pusat dan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, di peringkat negeri.

(END)